

# Teknik Komunikasi Ibu dalam Pembentukan Sahsiah Anak-anak Menurut Islam

**BITARA**Volume 4, Issue 3, 2021: 131-144  
© The Author(s) 2021  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>

## Maternal Communication Techniques in the Formation of Children's Personality According to Islam

A'dawiyah Ismail<sup>1</sup> & Siti Najihah Mansor<sup>1\*</sup>

### Abstrak

Komunikasi ibu terhadap anak-anak merupakan titik permulaan pembentukan awal sahsiah anak-anak untuk membentuk penyesuaian psiko-sosial bagi mereka menempuh alam kehidupan mendatang. Ibu bertanggungjawab dalam berkomunikasi dengan anak-anak bagi membentuk sahsiah yang baik dalam kalangan anak-anak. Namun, realiti hari ini komunikasi di antara ibu dan anak dilihat semakin berkurangan disebabkan beberapa faktor permasalahan antaranya kesibukan ibu berkerja serta penggunaan komunikasi oleh anak-anak kini dengan menggunakan kata-kata kesat, tengking-menengking serta terlibat dengan masalah sosial membuktikan kegagalan komunikasi ini. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji teknik komunikasi ibu menurut Islam dan kelebihanannya terhadap pembentukan sahsiah anak-anak. Reka bentuk kajian ini kajian kualitatif iaitu menggunakan kaedah lazim seperti analisis kandungan dan analisis dokumen sebagai medium pengumpulan data dapatan penyelidikan. Dapatan kajian mendapati bahawa teknik komunikasi menurut Islam seperti qaulan karima, qaulan sadida, qaulan ma'rufa, qaulan baligha, qaulan layyina dan qaulan maisura merupakan kaedah yang sesuai dipraktikkan oleh para ibu khususnya. Selain itu juga, dapat membantu memberi kesan yang baik terhadap pembentukan sahsiah seperti akidah, akal, akhlak, ibadah dan emosi anak-anak supaya tidak menyeleweng daripada kehidupan serta menjalani kehidupan ke arah kebenaran (al-Haq) dengan berkesan untuk masa akan datang (dunia dan akhirat) berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah.

### Kata kunci:

komunikasi; ibu; pembentukan sahsiah; anak-anak; Islam.

### Abstract

Communication is an important instrument in forming children's good behavior. There are abundant communication techniques from Islamic view manifested in the Quran as a guidance. In recent times, communication failures between children and mothers -especially, are giving huge impacts towards their formation of behavior. Today, a great number of children communicate using slurs and harsh words, snarling, and being socially problematic are the consequences of the failures. Therefore, the aim of this research is to identify the communication techniques of mothers from Islamic view and the effects of these techniques towards children's personality. This research using qualitative method based on content analysis and document analysis were used as a medium to collect data of subject matter. The study found a few communication techniques from Islamic view such as qaulan karima, qaulan sadida, qaulan ma'rufa, qaulan baligha, qaulan layyina, and qaulan maisyura are the

<sup>1</sup> Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.

### Corresponding Author:

SITI NAJIHAH MANSOR, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.

\*e-mel: [ejahwiz17@gmail.com](mailto:ejahwiz17@gmail.com)

appropriate methods to be used by mothers on daily basis especially in the early development of children so that it can positively affect the formation of children's personality in faith, mind, conduct, worship, and emotion so that they will not deviate from the right path and leading a true way of life effectively based on the Quran and the Sunnah.

**Keywords:**

communication; mother; formation of personality; children; the Quran.

**Cite This Article:**

A'dawiyah Ismail & Siti Najihah Mansor. 2021. Teknik komunikasi ibu dalam pembentukan sahsiah anak-anak menurut Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(3): 131-144.

## Pengenalan

Komunikasi dalam kehidupan berkeluarga seharusnya dibentuk dan diterapkan samada bersifat iaitu komunikasi secara lisan (verbal) dan komunikasi secara bukan lisan (*nonverbal*). Namun keluarga khususnya ibu memainkan peranan penting dalam proses komunikasi dengan anak-anak kerana ianya merupakan daripada proses didikan yang penting dalam pembentukan sahsiah mereka. Hal demikian kerana anak-anak akan melalui satu tempoh masa berlakunya perubahan biologi dan di akhiri dengan masuknya ke alam dewasa. Oleh kerana perkembangan tumbesaran anak-anak berlaku dengan pesat seperti fizikal dan kematangan mereka akan memberi kesan terhadap pembentukan sahsiah. Namun terdapat banyak teknik komunikasi yang ditemukan samada komunikasi Barat mahupun Islam yang telah dikaji dan diperhalusi untuk memberi metode komunikasi keluarga yang baik.

Sillar (1988) mendefinisikan komunikasi adalah penghantaran, penerimaan atau pertukaran maklumat, pendapat atau idea melalui tulisan, percakapan atau imej visual atau mana-mana kombinasi ketiga-tiga unsur menjadi bahan yang dikomunikasikan supaya difahami dengan jelas oleh sesiapa yang terlibat (Yunus, 2016). Selain itu, Hisham al-Talib juga berpendapat komunikasi adalah membiarkan orang lain mengenal anda dan menjalinkan persefahaman dengan anda. Proses ini melibatkan perkongsian idea-idea, perasaan dan fikiran dari seseorang individu terhadap individu yang lain secara jujur (Rahman L. A., 1997). Secara umumnya komunikasi adalah proses bagaimana seseorang itu mencipta makna melalui interaksinya dengan individu lain.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengkaji komunikasi yang terdapat dalam Islam yang telah di kemukakan oleh al-Quran seperti *qaulan baligha*, *qaulan maisura*, *qaulan karima*, *qaulan ma'rufa*, *qaulan layyina*, *qaulan sadidan* mampu menjadi metode kepada kaum ibu dalam pembentukan sahsiah anak-anak mereka supaya menjadi hamba yang taat perintah Allah SWT dan menjadi insan yang mempunyai *akhlaq al-karim* (Hidayati, Nurul, 2018) Melalui komunikasi yang baik membantu hubungan ibu dan anak menjadi lebih akrab dan secara tidak langsung dapat membantu untuk mengurangkan masalah sosial. Komunikasi melalui ibu merupakan kaedah yang paling berkesan dalam membina sahsiah anak-anak. Hal ini kerana ibu merupakan wanita yang paling hampir dengan anak-anak dan mereka memainkan peranan utama dalam mendidik serta membentuk keperibadian anak-anak (KUSAENI, 2012).

Manakala pembentukan sahsiah memberi makna perbuatan dalam membentuk keperibadian atau peribadi iaitu manusia sebagai diri-sendiri untuk membentuk watak dirinya. Menurut Lukman Hakimi Ahmad (2014), sahsiah adalah gambaran luaran seseorang yang dapat dilihat melalui tingkah laku, pemikiran, pengucapan dan perwatakan hasil daripada penghayatan yang mendalam terhadap didikan yang diperolehi serta ia berkaitan dengan persekitaran dan pengalaman yang dialami oleh seseorang berkaitan dengan motivasi dan penghayatan ibadah dalam kehidupan seharian (Safinah Ismail, 2019). Asghar Ali Engineer (1999) juga menyatakan sekiranya pembentukan sahsiah anak menurut Islam berhasil maka anak-anak akan mempunyai sahsiah (keperibadian) dengan ciri-ciri berikut iaitu selalu menempuh kehidupan berlandaskan didikan ketuhanan dengan melaksanakan ibadah, memperoleh kekuatan dalam menyeru kepada kebaikan dan menyampaikan kebenaran kepada masyarakat, memiliki keteguhan hati, mempunyai kemampuan yang kuat dan tegas, tabah, memiliki kelapangan dan ketenteraman hati, mengetahui tujuan hidup dan sentiasa bertaubat sekiranya melakukan kesalahan (Imam Subuqi, 2016).

Namun begitu, terdapat beberapa masalah yang menghalang komunikasi ibu dari berlaku antaranya pergolakan dalam rumah tangga. Pergaduhan di antara kedua ibu bapa menyebabkan anak-anak merasa gelisah dan mudah terdorong kepada perbuatan negatif. Mereka melihat bagaimana ibu bapa berdialog dengan menggunakan perkataan kasar dan kesat terhadap mereka sehingga memaksa mereka mencari kebebasan di luar rumah, sering menggunakan perkataan kesat dalam setiap perbualan dengan rakan-rakannya dan melakukan jenayah di sekolah. Berdasarkan daftar pelanggaran disiplin pelajar diterima Kementerian Pendidikan pada tahun 2018 sebanyak 1,054 kes dilaporkan sejak Januari hingga Jun (Berita Harian 2020).

Pada 23 Jun 2019 terdapat kes buli membabitkan dua pelajar sekolah di negeri Terengganu telah tular dalam media sosial yang memaparkan seorang pelajar lelaki menumbuk dan menendang mangsa. Kejadian ini berlaku bukan hanya pengaruh rakan sebaya malah faktor krisis keluarga menjadi faktor kes tersebut (Bernama 2019). Selain itu, faktor kesibukkan ibu dengan pekerjaan mereka sehingga jarang meluangkan masa dengan anak-anak serta kurang kemahiran berkomunikasi juga menyebabkan komunikasi ibu dengan anak tidak berjalan dengan lancar. Hubungan kasih sayang dengan anak-anak semakin renggang serta emosi mereka menjadi bercelaru dan pada masa yang sama mereka sebenarnya ketandusan kasih sayang yang diperlukan. Oleh itu, melihat peningkatan masalah ini boleh di bendung dengan menggunakan teknik komunikasi menurut Islam mampu membina sahsiah cemerlang dan anak-anak yang berjaya. Kajian ini juga adalah untuk mendedahkan kepada kaum ibu bahawa terdapat komunikasi menurut Islam yang boleh dijadikan sebagai metode untuk membina sahsiah anak-anak berbanding dengan komunikasi yang di kemukakan oleh sarjana Barat (Rosni Wazir, 2016). Islam juga tidak menafikan sebarang bentuk pembuktian yang dikemukakan oleh kajian Barat sekiranya tidak bertentangan dengan al-Quran dan al-Hadis serta boleh disifatkan sebagai salah satu cara membuktikan kebenaran ajaran Islam itu sendiri.

Hawari (1991) menyatakan bahawa komunikasi ibu dan anak adalah komunikasi yang melibatkan unsur-unsur penerimaan, kehangatan dan kasih sayang sehingga membentuk kesefahaman antara ibu dan anak (Widuri, 2011). Komunikasi ibu terhadap anak-anak hendak bermula dari peringkat umur kanak-kanak sehingga mereka dewasa. Komunikasi ibu dengan anak-anak terdapat perbezaan di awal usia dari sudut asuhan bahkan mempunyai komparatif

berdasarkan usia. Membina komunikasi anak-anak di bawah usia lima tahun merupakan langkah awal berkomunikasi dengan anak-anak. Menurut Piaget (1962) setelah anak-anak mencapai umur satu sehingga penghujung dua tahun mereka akan mula mempelajari bahasa dan lambang yang mudah (Nazri, 2017).

Seterusnya membina komunikasi pada permulaan anak-anak iaitu anak-anak yang mencapai usia tiga hingga lima tahun di mana sudah boleh menggunakan bahasa atau simbol untuk menggambarkan sesuatu malah ada yang di antara mereka sudah mulai bercakap dalam pernyataan penuh dan tatabahasa yang betul. Setelah mereka menginjak umur 6 tahun maka turutan dan olahan penceritaan akan diceritakan dengan lebih mudah dan baik. Mereka di peringkat ini lebih tertarik dengan bercerita berkaitan dengan perkara-perkara yang berlaku di sekeliling mereka dan menunjukkan sikap ingin tahun yang tinggi serta gemar bertanya (Sipon, 2010). Miller (1981) menyatakan pada tahap umur sebegini anak-anak mampu memperoleh semua bahasa yang didengari mereka di persekitaran tempat mereka membesar (Nazri, 2017). Sebagai seorang ibu hendaklah memulakan dengan menggunakan perkataan ketika berkomunikasi dengan mereka dan orang-orang di sekeliling mereka. Pada peringkat umur ini, harus digalakkan mereka untuk berkomunikasi sebagai contoh bertanyakan kepada mereka apa yang berlaku pada diri mereka dan meminta untuk menjelaskan dengan lebih lanjut berkaitan dengan diri mereka. Selain itu, ibu hendaklah memperkenalkan perkataan baru kepada mereka supaya mereka lebih seronok untuk bercerita berkaitan dengan pengalaman mereka khususnya pelajar pra sekolah (Sipon, 2010).

Manakala anak-anak yang berumur 6 hingga 12 tahun yang mana pada peringkat ini mereka sudah mampu untuk menuturkan kata-kata seperti orang dewasa. Perkataan yang digunakan lebih penuh dan lebih jelas serta bertanya lebih soalan, mencari maklumat dan boleh membuat justifikasi terhadap kenapa sesuatu perkara itu berlaku (Sipon, 2010). Oleh itu, ibu seharusnya memulakan perbualan dengan anak-anak dalam membantu mereka untuk menetapkan sesuatu matlamat yang ingin dicapai serta apabila ingin menegur kesilapan anak pada peringkat ini ibu haruslah memberi penjelasan yang terang terlebih dahulu supaya mereka menyedari kesan dan implikasi dari perbuatan mereka tanpa menyakiti mereka atau menggunakan bahasa yang keras sehingga menanam dendam dalam diri mereka dan membuatkan mereka memberontak (Sipon, 2010).

Oleh demikian, komunikasi ibu dengan menggunakan intonasi yang rendah serta nada yang lembut, memberi nasihat dengan menggunakan kaedah yang berhikmah dapat membantu melembutkan hati anak-anak dan menjaga hati mereka dari terguris dengan percakapan ibu mereka. Sekiranya hilangnya komunikasi ibu dengan anak-anak maka akan menyebabkan hilangnya satu petanda bahawa manusia itu sebagai khalifah (Yigibalom, 2013).

## Sorotan Kajian

Kajian oleh Jamiah Manap, Sidek Baba, Nik Suryani dan Haniza Rais iaitu pendekatan komunikasi keibubapaan dalam keluarga *mithali*. Kajian ini menggunakan pendekatan *Grounded Theory* melalui temu ramah bersama penerima anugerah ibu *mithali* peringkat kebangsaan. Pengkaji menganalisis data menggunakan pendekatan analisis tematik melalui pemerhatian dan analisis dokumen. Dapatan kajian mendapati bahawa ibu *mithali*

menggunakan komunikasi *verbal* dan *non-verbal* untuk mencapai matlamat pendidikan keibubapaan dalam membina keluarga sejahtera antaranya komunikasi verbal yang digunakan adalah memberi arahan, bimbingan dan membentuk keakraban manakala komunikasi non-verbal pula digunakan dalam kerja berpasukan, menunjukkan kasih sayang dan memenuhi kehendak anak-anak mereka. Walaupun pengkaji membahaskan mengenai komunikasi *verbal* dan *non-verbal* namun di dalamnya mempunyai cara komunikasi mengikut acuan Islam antaranya memberi arahan memberi nasihat serta bimbingan dan memberikan kasih sayang kepada anak-anak. Melalui pendekatan komunikasi Ibu *Mithali* ini boleh dipraktikkan oleh ibu bapa dalam membangunkan potensi anak-anak secara optimum (Jamiah Manap, 2013).

Seterusnya, kajian oleh Nurulizzati Mohamed Nawi dan Wan Hishamudin Wan Jusoh yang berjudul kaedah komunikasi menurut kitab *Afat al-Lisan* karangan imam al-Ghazali. Pengkaji menghuraikan serta menjelaskan beberapa kaedah komunikasi menurut pandangan Imam al-Ghazali dan pengkaji mengumpulkan karya-karya yang berkaitan komunikasi yang ditulis oleh cendekiawan muslim khususnya karangan kitab Imam al-Ghazali. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat lima kaedah komunikasi yang ditonjolkan melalui pengamatan pandangan Imam al-Ghazali iaitu *limited Speech, Smart Lisan, Fun of Lisan, Trusted Conversation and Alertness in Q&A*. Pengkaji membincangkan kaedah komunikasi seperti mengelakkan berkomunikasi dengan anak-anak menggunakan perkataan yang tidak bermanfaat sebagai contoh komunikasi yang melibatkan ucapan kotor, memaki hamun, bertengkar, mengumpat dan seumpunya. Oleh itu, tegasnya dalam berkomunikasi (*qaulan sadida*) mampu membendung kelalaian hati anak-anak dari segala anasir-anasir negatif serta setiap ahli keluarga mendapat keberkatan Allah SWT (Jusoh, Nurulizzati Mohamed Nawi & Wan Hishamudin Wan, 2019). Walaupun kajian ini tidak menyatakan ibu bertanggungjawab dalam berkomunikasi namun di dalam kajian ini menceritakan komunikasi menurut Islam dalam konsep keluarga seperti bercakap tidak melampau dan memaksa, menghindari pertengkaran, berkomunikasi dengan lemah lembut (*qaulan layyina*), bergurau senda dengan anak-anak dan sebagainya.

Kajian seterusnya adalah komunikasi antara bapa/ibu dengan anak dalam perspektif pendidikan (tinjauan tematik ayat-ayat al-Quran) oleh Nurul Hidayati. Kajian ini membincangkan komunikasi di antara keluarga dan anak dalam perspektif pendidikan yang di rujuk melalui al-Quran. Pengkaji mendapati bahawa komunikasi bapa dengan anak lebih dominan daripada komunikasi antara ibu dengan anak walaupun ibu memiliki waktu bersama dengan anak lebih banyak berbanding bapa. Namun begitu, pengkaji menceritakan bahawa pentingnya komunikasi ibu dengan anak-anak di dalam al-Quran (Hidayati, Nurul, 2018).

Seterusnya kajian komunikasi keluarga berdasarkan uslub Nabi SAW oleh Abu Dzar Ahmad dan Mohd Arif Nazri. Pengkaji membahaskan bahawa komunikasi ibu bapa dengan anak-anak perlu disemai dengan acuan-acuan nilai uslub baginda berkomunikasi sebagaimana Allah SWT melakarkan dalam al-Quran seperti *qaulan kariman, qaulan sadidan, qaulan ma'rufa, qaulan baligha, qaulan layyina dan qaulan maisura*. Pengkaji juga mengemukakan punca masalah komunikasi remaja dan ibu bapa realiti kini para remaja telah menimbulkan pelbagai jenayah moral disebabkan penggunaan kata-kata kesat dalam percakapan mereka di rumah. Institusi keluarga yang sering mempamerkan kata-kata secara negatif mengundang kesan kebosanan dan mudah menjerumuskan diri dengan masalah moral. Oleh itu, pengkaji menyatakan uslub Nabi SAW mampu menangani masalah komunikasi keluarga dan wajar

dicontohi keluarga seperti komunikasi dengan raut wajah bersahaja ketika berlaku pertengkaran. Penggunaan tutur kata yang kasar ketika menyelesaikan masalah bukanlah jalan penyelesaian malah mendatangkan kemudaratan. Oleh itu, ibu bapa langkah pertamanya adalah menzahirkan raut wajah yang tenang. Kedua menjauhkan sikap pilih kasih dan ketiga adalah rapat dan berbual dengan anak-anak setelah kemarahan mereka reda. Walaupun pengkaji membahaskan komunikasi keluarga namun dalamnya ada komunikasi menurut al-Quran. Berdasarkan kajian-kajian di atas, pengkaji mendapati terdapat banyak kajian yang berkaitan komunikasi keluarga terhadap anak-anak dilakukan. Namun begitu, dalam kajian-kajian di atas tidak menyatakan teknik komunikasi ibu dalam pembentukan sahsiah anak-anak (Abu Dzar Ahmad, Mohd Arif Nazri, 2017)

## Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini menggunakan kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan dan analisis dokumen. Analisis kandungan adalah merujuk kepada penjelasan secara objektif dan sistematik terhadap maklumat yang wujud secara tersurat (Siti Naqiyah Mansor, 2018). Kaedah pengumpulan data adalah bertujuan untuk mendapatkan hasil pengkajian yang dapat memenuhi objektif kajian yang dijalankan (Awang, 2001). Kajian ini boleh didapati melalui penelitian terhadap kajian-kajian penyelidikan terdahulu melalui artikel jurnal, kertas kerja dan buku-buku yang berkaitan dengan komunikasi keluarga iaitu salah satunya kajian oleh Marfuah Sri Sanityastuti bertajuk pola komunikasi keluarga dalam membangun *akhlaq al-karimah*. Analisis data juga dilakukan deduktif di mana diperoleh daripada hasil tinjauan literatur di mana merupakan asas bagi penyelidik untuk membina kerangka teori atau kerangka konsep kajian (Siti Naqiyah Mansor, 2018)

## Analisis Dapatan Kajian

Islam amat memuliakan insan yang bergelar ibu sehingga memartabatkan kedudukan mereka tiga kali lebih tinggi berbanding bapa. Ini adalah bukti terhadap penghormatan dan pemuliaan Islam terhadap kaum ibu di atas jasa mereka mengandung sehingga membesarkan anak-anak mereka (Misbah Em Majidy, 2013). Terdapat dua sebab dalam surah Luqman ayat 14 menyatakan mengapa Islam amat mengutamakan kebajikan ibu berbanding bapa pertamanya adalah ibu yang mengalami penderitaan ketika mengandung, bersalin, menyusukan, menguruskan pemeliharaan dan pendidikan lebih dari apa yang dialami oleh seorang ayah ('Ulwan, 2000). Keduanya adalah ibu lebih mempunyai kasih sayang dan sering memberi perhatian kepada anak-anak mereka. Allah SWT mengurniakan mereka sifat kasih sayang dalam membentuk akhlak dan sahsiah anak-anak mereka. Oleh itu, tanggungjawab anak lelaki terutamanya hendaklah berusaha meringankan tanggungjawab ibunya kerana mereka merupakan tulang belakang ibunya selepas bapa dan hendaklah mereka mentaati serta memuliakan mereka ('Ulwan, 2000).

Menurut Normarini Yaacob mengasuh anak-anak memerlukan kelembutan dalam mendidik. Lembutnya ibu tetapi tetap bertegas dalam setiap tindakan tetapi bukan dengan cara menjerit dan menengking sewaktu berkomunikasi serta mendidik anak-anak. Sifat keibuan ini

menjadi kekuatan dan benteng untuk seorang anak. Kesopanan dan kelembutan ibu berkait dengan iman yang dimiliki olehnya. Nilai-nilai kesucian yang terpancar di wajah ibu akan memberi ketenangan pada anak-anak. Kelembutan seorang ibu akan membentuk keluhuran sahsiah anak-anak. Ibu yang lembut kata-katanya akan mendamaikan jiwa anak-anak dan tidak mustahil suatu hari nanti mereka akan menjadi seperti ibu mereka sendiri (Yaacob, 2011).

Sehubungan itu, antara kepentingan komunikasi ibu dalam pembentukan sahsiah anak-anak adalah pertamanya membangunkan sikap kejujuran dalam diri anak-anak. Ini adalah langkah pertama dalam membangunkan dan menanamkan karakter anak-anak melalui kejujuran. Keduanya adalah komunikasi ibu menurut Islam ini mampu mencegah kekerasan dalam keluarga. Hal ini kerana komunikasi yang baik di antara ibu mampu membina keluarga yang harmoni serta anak-anak dapat merasakan penerimaan diri mereka, kehangatan dan kasih sayang yang baik dari ibu sehingga mereka lebih terbuka dalam berkongsi masalah yang di hadapi (Widuri, 2011).

## Teknik Komunikasi Menurut Islam

Teknik atau prinsip komunikasi dalam al-Quran harus dijadikan sebagai panduan oleh setiap ibu, pendakwah, pemimpin dan bapa dengan menggunakan perkataan yang baik, menggunakan hikmah dan nasihat yang baik, bercakap benar, berdialog dengan baik, mengotakan janji serta mengambil kira pandangan orang lain. Prinsip-prinsip ini juga diaplikasikan oleh Rasulullah SAW dalam mendidik keluarga baginda serta para sahabat menyampaikan risalah Islam dengan berkesan. Antara prinsip komunikasi menurut al-Quran adalah:

### a. *Qaulan Sadida*

*Qaulan Sadid* membawa maksud berbicara dengan tegas dan benar (Bakar R. A., 2009). Perkataan *qaulan sadida* disebut dua kali dalam al-Quran iaitu pertama Allah menyuruh setiap manusia menyampaikan *qaulan sadida* (perkataan benar) dalam urusan anak yatim dan keturunan. Keduanya Allah SWT memerintahkan bahawa setiap manusia hendaklah bertaqwa seiring mengeluarkan perkataan yang benar (Dahlan, 2014) Dalam surah al-Ahzab ayat 70 memperlihatkan terdapat dua perintah Allah SWT dalam berkomunikasi antaranya adalah perintah pertama adalah untuk melaksanakan ketaatan dan ketawaan serta menjauhi larangannya manakala perintah kedua adalah Allah SWT memerintahkan orang-orang yang beriman supaya berbicara dengan perkataan yang sopan, tidak kurang ajar, perkataan yang benar bukan yang batil, sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab: ayat 70 bermaksud: “*Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan katakanlah perkataan yang benar*” (Qur’an, 33:70). Jika dilihat dari konteks ayat ini menjelaskan bahawa bagaimana orang-orang kafir menyakiti nabi Musa dan nabi Muhammad dengan tuduhan-tuduhan palsu dan perkataan menyeleweng mereka (Ishaq alu syaikh, Abdullah bin Muhammad bin Abdrahman, 2008).

Ulama juga menafsirkan bahawa Saidatina Khadijah tidak pernah bersuara keras dalam rumahnya bahkan kata-katanya sentiasa disusun indah dan ini menunjukkan betapa dia memahami Rasulullah SAW serta mendidik anak-anaknya dengan sepenuh cinta. Oleh itu, pendekatan yang Allah SWT berikan ini boleh diaplikasikan oleh setiap ibu. Ketegasan dalam

mendidik anak-anak bukanlah berarti keras mahupun kasar tetapi ianya lebih menjerumuskan kepada maksud konsisten dan keteguhan prinsip seorang ibu ketika berkomunikasi dengan anak-anak. Ketegasan dalam mendidik anak-anak bukanlah berarti keras mahupun kasar tetapi ianya lebih menjerumuskan kepada maksud konsisten dan keteguhan prinsip seorang ibu ketika berkomunikasi dengan anak-anak (Bakar R. A., 2009). Setiap perkataan yang diucapkan oleh ibu seharusnya mempunyai tujuan penyampaiannya dan tiada pembohongan terhadap anak-anak. Hal ini kerana setiap kejujuran melahirkan kekuatan manakala setiap kebohongan melahirkan kelemahan dan anak-anak boleh menilai percakapan ibu mereka. Oleh itu, dengan mengeluarkan perkataan yang baik dapat membentuk jiwa anak-anak supaya mereka mengasihi dan mempunyai perasaan hormat terhadap ibunya serta masyarakat di luar sana.

*b. Qaulan Ma'rufa*

*Qaulan Ma'rufa* pula membawa maksud perkataan yang baik dan bermanfaat serta ucapan yang dikenali hati. Manakala dalam Tafsir Al-Maraghi menjelaskan bahawa berbicara dengan baik iaitu dengan ucapan yang menyejukkan hati dan sopan sehingga membolehkan ianya menapak ke dalam jiwa anak-anak sehingga sekiranya diajak untuk berbicara tidak merasa dianggap bodoh (safih) (Markarma, 2014). Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab ayat 32: "*Hai isteri-isteri Nabi, kamu sekalian tidaklah seperti wanita yang lain, jika kamu bertakwa. Maka janganlah kamu tunduk dalam berbicara sehingga berkeinginanlah orang yang ada penyakit dalam hatinya dan ucapkanlah perkataan yang baik*" (Qur'an, 33:32). Dalam ayat tersebut Allah SWT menceritakan bahawa isteri-isteri nabi mempunyai perbezaan dari segi tanggungjawab dan ketinggian kedudukan berbanding dengan wanita-wanita lain kerana kedekatan mereka kepada nabi dan itu menjadikan mereka mendapat bimbingan khusus seperti mendapat kesempatan untuk mengenali nabi dan meneladani baginda ( Muhammad Quraish Shihab, 2011).

Sebagai seorang ibu hendaklah menjaga percakapan mereka dari perkataan yang sia-sia dan sentiasa menggunakan perkataan yang mengandungi nasihat yang berguna tanpa kita mencari kesalahan anak-anak (Muslimah, 2016). Justeru itu, ibu seharusnya berbicara atau berkomunikasi dengan menggunakan perkataan yang baik dan menasihati anak-anak mereka tanpa menggunakan herdikan dan cacian kerana hati anak-anak ini mudah tersinggung dan sangat sensitif sekiranya di marahi oleh ibu mereka sehingga boleh berlaku pemberontakkan dalam diri.

*c. Qaulan baligha*

*Qaulan baligha* ini membawa maksud kata-kata yang tepat iaitu membawa maksud kata-kata yang mencapai sasaran dan tujuan, terang, jelas dan tepat. Sebagai seorang ibu harus memiliki kemahiran ini dalam mendidik anak-anak supaya mereka dapat mendengar dengan baik serta memberi impak positif dalam diri mereka (Bakar R. A., 2009). Menurut Wijayanti, Sanityastuti, & Kunandar menyatakan perkataan ini juga mengandungi tiga unsur utama iaitu bahasanya harus tepat, sesuai dengan apa yang dikehendaki dan isi perkataan adalah benar dalam konteks pembicaraan bermaksud pembicara secara sengaja hendak menyampaikan sesuatu dengan cara yang benar supaya boleh diterima oleh pihak yang diajak untuk berbicara. Menurut Hasbi cara



berkomunikasi dengan memberikan nasihat, menyampaikan penjelasan yang mampu memberikan pengaruh yang kuat dalam hati nuraninya sehingga tergerak hati mereka untuk memperbaiki akhlak dan akidahnya. Oleh itu, tanggungjawab ibu bukan hanya berkomunikasi dengan baik malah harus sentiasa memperingati dan memberikan nasihat kepada anak-anak supaya mampu menarik hati mereka untuk lebih memahami ajaran-ajaran yang disampaikan (Ismatulloh, 2017).

d. *Qaulan maisyura*

Jalaluddin Rahmat menyatakan *qaulan maisyura* merupakan ucapan yang menyenangkan (Muslimah, 2016). Sebagaimana firman Allah SWT bermaksud: Dan jika kamu berpaling dari mereka untuk memperoleh rahmat dari Tuhanmu yang kamu harapkan, maka katakanlah kepada mereka ucapan yang pantas (Qur'an, 17:28). Dalam ayat diatas menjelaskan perkataan *qaulan maisyura* merupakan perkataan asal dari yasra yang bermaksud mudah dan pantas. Tafsir AdzDzikra, Bahtiar Amin menafsirkan dengan perkataan yang mudah difahami atau meringankan (A. Markarma , 2014). Melihat asbabul nuzul surah al-Isra ayat 28 adalah sebagaimana diriwayatkan oleh Saad bin Mansur bersumberkan dari Atha al-Khurasani, ketika orang-orang dari Muzainah meminta kepada Rasulullah supaya diberikan kendaraan untuk berperang *fi sabilillah*. Rasulullah menjawab, "Aku tidak mendapatkan lagi kendaraan untuk kalian". Mereka berpaling dengan air mata berlinang kerana sedih merasakan bahawa Rasulullah marah kepada mereka. Maka turunlah ayat ini sebagai petunjuk kepada Rasulullah dalam menolak suatu permohonan supaya menggunakan kata-kata yang lemah lembut (H.Sofyan Sauri, 2012). Oleh itu, melihat asbabul nuzul di atas maka kaum ibu boleh mengambil contoh apa yang telah Rasulullah SAW tunjukkan maka seseorang ibu itu bertanggungjawab memberikan penjelasan-penjelasan yang mudah difahami oleh anak-anak. Komunikasi ibu seharusnya menggunakan perkataan yang mudah dan pantas supaya anak-anak tidak ternanti-nanti apakah ayat yang seterusnya yang keluar dari mulut ibu mereka. Ibu juga tidak digalakkan menggunakan perkataan yang lambat serta menyinggung perasaan anak-anak meskipun anak-anak yang berada dihadapannya melakukan kesalahan dan dosa secara terang-terangan. (Wijayanti, 2015)

e. *Qaulan karima*

*Qaulan karima* bermaksud perkataan yang mulia iaitu berbicara dengan menggunakan kata-kata yang mulia serta bersifat motivasi kepada anak-anak dengan penuh hormat dan menunjukkan akhlak yang baik dan terpuji kepada anak-anak supaya mereka menjadikan ibu sebagai *role model* dalam kehidupan mereka. Menurut Ar-Raghib menyatakan karima merupakan segala sesuatu yang terhormat seperti ucapan yang baik, perkataan yang manis, rasa hormat sesuai dengan tuntutan keperibadian yang luhur (A. Markarma , 2014). Perkataan mulia ini dijelaskan Allah dalam al-Quran iaitu sebagaimana firman Allah bermaksud: *Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapakmu dengan sebaik-baiknya. jika salah seorang di antara keduanya atau Kedua-duanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, Maka sekali-kali janganlah*

*kamu mengatakan kepada keduanya perkataan "ah" dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia (Qur'an, 17:23).*

Sedangkan menurut al-Maraghi menyatakan bahawa sesiapa yang menginginkan kejayaan di dunia dan di akhirat hendaklah mereka taat kepada Allah SWT kerana ketaatan itu menjadikan seseorang hamba memperoleh kejayaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Ibu hendaklah mengajarkan anak-anak mereka sentiasa berkata yang baik kerana Allah SWT menerima perkataan-perkataan yang baik seperti tauhid, zikir dan alunan bacaan al-Quran oleh hamba-Nya (Muslimah, 2016). Kesimpulannya, komunikasi seperti ini akan memberi impak positif kepada anak-anak supaya membina akhlak dan tingkah laku yang baik. Grice (1978) menyatakan bahawa kata-kata yang baik adalah tutur kata yang menarik serta memberi kesan kepada pendengarnya (Bakar R. A., 2009).

*f. Qaulan layyina*

Ibu juga hendaklah berbicara dengan anak-anak menggunakan perkataan yang lembut. Bicara seperti ini mampu melunakkan jiwa yang keras sepertimana kisah Nabi Musa a.s pernah diarahkan oleh Allah untuk bersama saudaranya Nabi Harun bersama-sama menghadapi Firaun dengan kata-kata yang lembut. Berdasarkan ayat al-Quran surah Thaha ayat 44 bermaksud: *"Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, Mudah-mudahan ia ingat atau takut"* (Qur'an, 20:44). Ayat ini menceritakan bagaimana Nabi Musa harus berurusan dengan Firaun yang mendakwa dirinya sebagai tuhan dan ayat ini Allah SWT memerintahkan kepada Musa dan Harun untuk menemui Firaun yang telah melampaui batas dengan melakukan penindasan kejam terhadap Bani Israil namun Allah SWT membimbing serta memotivasikan Nabi Musa menggunakan qaulan layyina ketika menyampaikan dakwahnya. Al-Qurtubi menjelaskan bahawa lemah lembut itu adalah perkataan yang tidak kasar. Walaupun nabi Musa diperintahkan untuk berkata-kata yang lembut namun itu merupakan mudah terkesan bagi orang lain (Firaun) untuk mengikuti jejak dan meniru apa yang dikatakannya (Ibnu Katsir, 2008). Begitu juga dengan kisah Luqman al-Hakim menasihati anak-anak dengan kata-kata yang baik. Hal demikian kerana sifat semulajadi manusia ini bertindak dan memberikan kesan yang baik terhadap kelembutan tutur bicara seseorang .

Sekiranya melihat dalam al-Quran komunikasi dengan anak didominasi oleh bapa, namun pendidikan sahsiah juga merupakan tanggungjawab ibu dari mula kandungan sehingga sampai masa *taklif* iaitu pada umur 17 tahun. Quraish Shihab menyatakan pendapatnya bahawa dalam surah Luqman ayat 14 lebih memfokuskan pada jasa seorang ibu setelah perintah untuk berbakti. Dalam al-Quran juga banyak menceritakan keberhasilan ibu dalam mendidik anaknya walaupun tanpa kehadiran bapa sebagai contoh bagaimana *Sayyidatina* Maryam mendidik Nabi Isa as sehingga terpilih menjadi seorang Rasul, Nabi Ismail as yang lebih banyak diasuh oleh ibunya, Nabi Musa diasuh oleh isteri Fir'aun dan dikembalikan semula oleh Allah SWT dalam asuhan ibu baginda sendiri. Wanita sebagai seorang ibu memiliki tugas yang tidak dapat digantikan dengan orang lain dengan segala perih jerih mendidik anak-anak, maka bukan sesuatu yang berlebihan Allah SWT meletakkan syurga di telapak kaki seorang ibu (Hidayati, Nurul, 2018).

## Kelebihan Komunikasi Ibu Terhadap Pembentukan Sahsiah Anak-Anak

Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan bagaimana komunikasi menurut Islam ini dapat membantu ibu-ibu membentuk sahsiah anak-anak mereka berlandaskan Islam. Anak-anak yang sempurna pembentukan sahsiah dirinya mempunyai elemen utama iaitu dari sudut akhlak. Komunikasi yang sempurna dan konsisten dapat melahirkan anak-anak yang mempunyai sahsiah yang cemerlang.

Menurut tokoh falsafah Islam, Miskawaih (1996) merumuskan bahawa akhlak adalah suatu keadaan bagi diri atau jiwa (*al-nafs*) yang mendorong diri atau jiwa untuk melakukan sesuatu perbuatan atau tindakan dengan senang tanpa didahului oleh daya pemikiran, kerana telah menjadi sifat dan kebiasaan dalam mendapatkan sebuah keluarga yang harmoni, al-Farabi menjelaskan bahawa ianya mestilah seiring dengan akhlak yang mulia dan amalan yang baik maka terlahirlah sifat keutamaan dan terpuji iaitu (*al-fada'il al-khuluqiyyah*) seperti kesederhanaan (*wasatiah*), keadilan (*'adalah*), kebenaran (*al-haq*), budi bahasa (*al-akhlaq*), penghormatan diri (*tahrim nafs*) dan kebaikan (*alkhayr*). Akhlak juga adalah perilaku mulia yang terserlah melalui percakapan, perbuatan, layanan, mimik muka, penghargaan dan seumpunya. Akhlak secara keseluruhan adalah meliputi tingkah laku ketika berurusan dengan sesama manusia, dengan Yang Maha Pencipta, dengan makhluk lain seperti haiwan, tumbuhan atau benda serta dengan anggota tubuh badan sendiri bahkan melibatkan soal hati dan perasaan. Pada kebiasaannya apa yang terbit daripada perasaan itulah terserlah dalam tingkah laku (Jamaludin, 2013). Ibu sebagai role model anak-anak seharusnya berkomunikasi dengan anak-anak melalui pendidikan akhlak iaitu memberi salam, bercakap benar, menepati waktu, menepati janji, menghormati ibu bapa, tidak berbohong, solat berjemaah, mengucapkan syukur dan bertolak anasir merupakan akhlak yang bersifat kebiasaan (Suhid, 2009).

## Kesimpulan

Sekiranya seorang ibu menggunakan teknik komunikasi yang telah digariskan oleh Islam dalam mendidik anak mereka dengan didikan agama yang sempurna maka lahirnya sahsiah anak cermerlang dan anak yang taat kepada ibu bapanya serta memberi manfaat kepada masyarakat dan agama. Selain itu, komunikasi dalam keluarga khususnya ibu boleh dijadikan medium untuk mencapai matlamat keluarga dengan membina peribadi cemerlang serta mengukuhkan kesejahteraan keluarga. Pelbagai strategi dan pelan komunikasi boleh digunakan dalam mencapai matlamat tersebut tetapi hendaklah berlandaskan Islam supaya mampu berfungsi untuk mencegah tingkah laku yang tidak bermoral dalam kalangan anak-anak (Jamiah Manap, 2013)

## Rujukan

Al-Quran

Amir Aris & Ahmad Rozelan Yunus. (2016). Komunikasi Berkesan. *Siri Latihan Pembangunan Staf*.

- Muhammad Quraish Shihab. (2011). *Tafsir al-Misbah*. Jakarta: Lentera Hati.
- A. Markarma . (2014). Komunikasi dakwah efektif dalam perspektif al-Quran. *Hunafa: Jurnal Studia Islamika* , 127-152.
- Abu Dzar Ahmad, Mohd Arif Nazri. (2017). Komunikasi keluarga berdasarkan usub Nabi SAW. *Jurnal al-Thurath*, 54-64.
- Al al-Qāsim, A. M.-D. (1989). *al-Mu'jam al-'Arab al-Asās*. Tun sia Larousse.
- Alavi, K. A. (2012). Kerja sosial di sekolah: memahami dan menangani penderaan kanak-kanak. *e-Bangi*, 17–37.
- Awang, I. (2001). *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam dan Intel Multimedia and Publication.
- Aziyah Abu Bakar, A. A. (2016). Penilaian model pola komunikasi keluarga menerusi analisis faktor pengesahan (AFP): kajian di Malaysia. *Forum Komunikasi*, 39–64.
- Aziyah Abu Bakar, Asyraf Afthanorhan, Mohd Nazri Ibrahim, Abd Rauf Ridzuan & Dzaa Imma Abdul Latif. (2016). Penilaian model pola komunikasi keluarga menerusi analisis faktor pengesahan (AFP): kajian di Malaysia. *Forum Komunikasi*, 39–64.
- Bakar, M. H. (2018). Konsep sahsiah remaja menurut perspektif al-Quran. *Proceeding of The International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2018 (THIQAH 2018)*. ILIM, Bangi,Selangor.
- Bakar, R. A. (2009). *Kaunseling Daripada Perspektif Islam Apa, Mengapa Dan Bagaimana*. Kuala Lumpur: BS Print(M) Sdn.Bhd.
- Dahlan, M. S. (2014). Etika komunikasi dalam al-Quran dan Hadis. *Jurnal Dakwah Tabligh*, 115-123.
- H.Sofyan Sauri. (2012). Pendekatan semantik frase qaulan sadida, ma'rufa, baligha, maysura, layyina dan karima untuk menemukan konsep tindak tutur qurani. 1-11.
- Hamjah, ' I. (2012). Kefahaman terhadap kedudukan wanita berkerja menurut Islam. *Jurnal al-Hikmah*, 4.
- Hamjah, I. N. (2018). Personaliti bapa menurut persepektif islam dan aplikasi dalam keluarg. *Jurnal Islamiyyat*, 61–69.
- Hasanuddin, D. H. (2004). *Sahsiah pelajar kelas aliran agama dan bukan aliran agama di Sek Men Seremban, Negeri Sembila*. Univesiti Malaya.
- Hidayati, Nurul. (2018). Komunikasi antara bapak/ibu dengan anak dalam perspektif pendidikan (Tinjauan tematik ayat-ayat al-Quran). *Al Furqan: Jurnal Ilmu Al Quran dan Tafsir*, 31-40.
- Ishaq alu syaikh, Abdullah bin Muhammad bin Abdrahman. (2008). *Tafsir Ibnu Kathir*. Jakarta: Tim Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Ismail, A. (2007). *Kaunseling Islam Ke Arah Pembentukan Keluarga Dinamika*. Shah Alam, Selangor: KARISMA Publication.Sdn.Bhd.
- Ismatulloh, A. (2017). Etika berkomunikasi dalam al-Qur'an: Analisis penafsiran Hasbi ash-Shiddieqi dalam Tafsir an-Nur. *Lentera*, 129-146.
- Jamaludin, M. F. (2013). *Anakku Penyejuk Mataku*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Jamiah Manap, S. B. (2013). Pendekatan komunikasi Keibubapaan dalam keluarga mithali. *Journal of Human Development and Communication*, 73–87.

- Jamiah Manap, Sidek Baba, Nik Suryani Nik Ab.Rahman & Haniza Rais. (2013). Pendekatan komunikasi Keibubapaan dalam keluarga mithali. *Journal of Human Development and Communication*, 73–87.
- Jusoh, N. M. (2019). *Malaysiana Journal for Islamic Studies*, 50-57.
- Jusoh, Nurulizzati Mohamed Nawi & Wan Hishamudin Wan. (2019). Kaedah komunikasi keluarga menurut kitab Afat al-Lisan karangan Imam al-Ghazali. *Malaysian Journal For Islamic Studies*, 50-57.
- KUSAENI. (2012). *Konsep pendidikan moral anak dalam keluarga menurut Abdullah Nashih 'Ulwan dalam kitab " Tarbiyatul Aulad fil Islam"*, ., Lampung: Jurusan Tarbiyah Program Studi Pendidikan Agama Islam Sekolah Tinggi Agama Islam (Stau)Ma'arif Metro Lampung .
- Lebar, O. (2017). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metode*. Tanjung Malim: Penerbit Univeisiti Pendidikan Sultan Idris.
- Markarma, A. (2014). Komunikasi dakwah efektif dalam perspektif al-Quran. *Hunafa: Jurnal Studia Islamika*, 127-152.
- Muhamed, A. A.-H. (2002). *Isu dan cabaran keluarga di Malaysia Dalam Keluarga dan Keibubapaan*. Selangor Darul Ehsan: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muslimah. (2016). Etika komunikasi dalam perspektif Islam. *Sosial Budaya*, 115–25.
- Nazri, A. D. (2017). Komunikasi keluarga berdasarkan uslub nabi saW. *Jurnal al-Turath*, 54–64.
- Qarni, A. (2002). *Buaian Ibu Di Antara Surga & Neraka*. Ciomas Bogo: Penerbit Cahaya.
- Rahman, L. A. (1997). *Pengurusan Islam: Etika, Komunikasi Dan Motivasi*. Melaka: Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).
- Rahman, M. A. (2003). Menangani “communication breakdown” dalam keluarga. *Prosiding Seminar Kaunseling Perspektif Islam*. Anjuran Universiti Utara Malaysia: Jabatan Perkhidmatan Awan dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rusyd, R. M. (2011). *Kesalahan Ibu Bapa Dalam Mendidik Anak*. Batu Caves, Selangor: Al-Hidayah House of Publisher Sdn.Bhd.
- Safinah Ismail, I. H. (2019). Gaya komunikasi Puan Siti Nadzrah Sheh Omar dalam pembentukan sahsiah anak. *Jurnal Pengajian Islam*, 1-19.
- Sipon, R. P. (2010). *Permata Berbicara: Komunikasi Dalam Keluarga*. Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Siti Naqiyah Mansor, S. H. (2018). Ideologi gerakan Islamic State of Iraq dan Sham (ISIS) di Malaysia. *ISLAMIYYAT*, 95-102.
- Subqi, I. (2016). Pola keagamaan dalam membentuk keperibadian anak-anak. *Interdisciplinary Journal of Communication*, 165–80.
- Suhid, A. (2009). *Pendidikan Akhlak Dan Adab Islam*. Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Suyurno, Z. H. (2016). *Pengantar Komunikasi Dakwah*. UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- 'Ulwan, A. N. (2000). *Pendidikan Anak-Anak Menurut Pandangan Islam (Jilid 2)*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

- Widuri, A. C. (2011). Komunikasi ibu dan anak dengan depresi pada remaja. *Humanitas*, 6(1), 45-61.
- Wijayanti, Y. T. (2015). Pola komunikasi keluarga dalam membangun akhlakul karimah. *CHANNEL Jurnal Komunikasi*, 113–122.
- Yaacob, N. (2011). *Ibu Dikaulah Yang Paling Hebat*. Batu Caves, Selangor: Mashi Publication Sdn.Bhd.
- Yigibalom, L. (2013). Peranan interaksi anggota keluarga dalam upaya mempertahankan hormonisasi kehidupan keluarga di desa Kumuluk Kecamatan Tiom Kabupaten Lanny Jaya. *Jurnal Acta Diurna*, 1–19.
- Zanariah Dimon, A. M. (2018). Faktor-faktor konflik rumah tangga: kajian di unit runding cara Jabatan Agama Islam Selangor. *International Conference On Islamiyyat Studies* (pp. 287-293). Bandar Baru Bangi: IRSYAD.